

Tempoh penahanan ISA dikaji: PM

BH 26 MAY 1994

Oleh Mohd Shah Abdullah

KUALA LUMPUR, Rabu - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad membayangkan tempoh penahanan seseorang mengikut Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) 1969, adalah antara peruntukan yang mungkin dikaji dan dipinda.

Bagaimanapun, Perdana Menteri berkata, ISA akan terus dikekalkan, walaupun beberapa peruntukan dalam akta itu akan diubah untuk disesuaikan dengan keadaan semasa negara ini.

Perkara 2, Artikel 8 (1) ISA, antara lain menjelaskan kuasa Menteri Dalam Negeri untuk menahan seseorang tanpa perlu dibicarakan di mahkamah untuk tempoh tidak kurang dua tahun.

Dr Mahathir yang juga Menteri Dalam Negeri berkata kerajaan akan berhati-hati dalam perkara itu bagi memastikan kebebasan yang diberi tidak disalahgunakan.

"Kita sedang mengkaji dan belum membuat sebarang keputusan. Nampaknya, kita tidak boleh hapuskan sama sekali ISA, tetapi ada perubahan. Kita belum tentukan lagi.

"Dalam keadaan ini kita perlu berhati-hati kerana kita tidak boleh *lift up the lid* (memansuhkannya). Sekarang ada ISA mereka tidak buat (perkara yang mengancam keselamatan negara), tapi bila tiada, mereka akan lakukan semula," katanya kepada pemberita selepas menghadiri Hari Keluarga Kementerian Dalam Negeri (KDN), di sini hari ini.

Beliau diminta mengulas kenyataan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, semalam bahawa beberapa peruntukan dalam ISA yang didapati tidak sesuai dengan keadaan negara sekarang akan dikaji dan mungkin dimansuhkan.

Menurut Anwar, walaupun kerajaan pernah menegaskan ISA perlu terus kekal, ia tidak bermakna beberapa peruntukan yang tidak lagi sesuai, tidak boleh dikaji semula.

Ditanya apakah rasional paling kukuh bagi kerajaan untuk mengkaji semula akta itu, Dr Mahathir berkata keadaan negara sekarang lebih aman, tidak banyak berlaku kepincangan serta kegiatan tidak bertanggungjawab.

Menurutnya, KDN akan menjalankan kajian berhubung perkara itu dan akan mengemukakan laporan kepada Kabinet.

Dr Mahathir juga diminta mengulas hasil pertemuannya dengan Setiausaha Perdagangan Britain, Richard Needham, semalam, termasuk kandungan surat Perdana Menteri, John Major kepada beliau selepas Malaysia menghentikan pemberian kontrak baru kerajaan kepada syarikat Britain.

Menurutnya, kerajaan sedang mengkaji semula kedudukan pemberian kontrak itu, tetapi belum ada keputusan rasmi dibuat.

"Sekarang ini Andrew Neil (Pengarang Sunday Times) sudah ke luar negara. Neil dan rakan-rakannya sudah dibuang. Kita

LIHAT MUKA 2

Tempoh penahanan ISA dikaji

DARI MUKA 1

26 MAY 1984

akan kaji," katanya.

Menurut laporan, Neil akan ditukarkan ke New York bulan depan untuk melancarkan satu rancangan hal ehwal semasa bagi rangkaian televisyen Fox, Amerika Syarikat.

"Walaupun dia (Neil) kata ditukar, sebenarnya dia kena buang. Bagi kita, Neil kena buang... patut kena buang," kata Dr Mahathir.

Menurutnya, walaupun Neil bebas berkata apa

saja, termasuk kononnya tidak akan berhenti 'mengorek perkembangan di Kuala Lumpur, semua pihak sudah tidak mempercayainya lagi kerana caranya menghentam peribadi seseorang pemimpin.

"Neil boleh kata apa saja, tetapi semua orang tidak mempercayainya dan semua orang kata itu 'personal vendetta' (endam peribadinya).

"Tidak ada sesiapa per-

caya perkara karut seperti tuduhan rasuah dan selepas itu, mengaku (dakwaannya) tidak betul," kata Perdana Menteri lagi.

Mengenai langkah Britain mengemukakan satu pakej cadangan perdagangan jangka panjang dengan negara ini sebagai langkah mengatasi penghentian kontrak baru Kerajaan Malaysia kepada Britain, Perdana Menteri berkata, hubungan

perdagangan antara kerajaan memang wujud dan tidak terjejas.

Menurutnya, hubungan di peringkat pemimpin dan pegawai kerajaan juga berjalan lancar.

Baru-baru ini, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Abu Hassan Omar, ada melawat Britain manakala Menteri Pendidikan negara itu, John Patten, melawat Malaysia bulan lalu.